

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : KHAMIS, 5 NOVEMBER 2015
RUJUKAN : L6 [PR-1333-L71489]
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan cadangan DBKL membina bangunan baru di Jalan Raja laut, Kuala Lumpur dan usaha untuk meletakkan semua jabatan dalam satu bumbung bagi memudahkan urusan pentadbirannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berusaha untuk sentiasa memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada penduduk Kuala Lumpur.

Lantaran itu, pembinaan Menara DBKL 2 telah dicadangkan sebagai satu usaha untuk meletakkan semua Jabatan-jabatan Utama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di satu lokasi yang sama bagi memberi keselesaan kepada warganya dan juga penduduk Kuala Lumpur juga.

Walaupun bagaimanapun, setelah penelitian di buat pihak DBKL memberi keutamaan kepada projek-projek yang membawa manfaat secara langsung kepada rakyat seperti pembinaan rumah mampu milik, penaiktarafan rangkaian jalan raya di sekitar bandar serta peningkatan kemudahan dan infrastruktur dalam bandar. Ini adalah inisiatif Kerajaan untuk membantu warga Kuala Lumpur bagi mengharungi keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu dan serba mencabar.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 05.11.2015 (KHAMIS)

SOALAN : 15

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan mengapakah pelaksanaan semula pembinaan Fasa 2 untuk Jalan Meritam / Telahak / Buangabai / Pengkalan Rejab / sungai Poyan belum bermula dan nyatakan bilakah ia akan dimulakan.

JAWAPAN :

Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Meritam / Telahak / Buangabai / Pengkalan Rejab / Sungai Poyan, Limbang, Sarawak Fasa II telah ditamatkan kontrak asalnya disebabkan kontraktor yang dilantik tidak berupaya melaksanakan projek sebagaimana yang dirancang sehingga menyebabkan projek ini dikategorikan sebagai projek sakit. Jawatankuasa Projek Sakit Kementerian ini pada Ogos 2015 telah memutuskan supaya projek ini ditender semula sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Kerajaan PK4/2013. Pada masa ini projek ini sedang dalam proses tender oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sarawak. Kerja - kerja pembinaan dijangka akan dimulakan pada Disember 2015.